

Korporat

KPJ Healthcare sasar pendapatan RM1 bilion tahun ini

KUALA LUMPUR 8 Mei – Anak syarikat Johor Corporation (JCorp) yang bergiat dalam sektor kesihatan, KPJ Healthcare Bhd., yakin dapat menjana pendapatan berjumlah RM1 bilion tahun ini daripada RM832 juta tahun lepas dipacu oleh terimaan daripada program pembelian terdahulu.

Tahun lepas, syarikat itu membeli Pusat Perubatan Sentosa, Kuala Lumpur dan Pusat Perubatan Sentosa, Kajang pada pertimbangan nilai RM72 juta.

Dengan pembelian itu, KPJ telah meningkatkan jaringan hospital di bawah kendaliannya kepada 17 buah hospital swasta di Malaysia, tiga buah di Indonesia dan sebuah di Bangladesh.

“Pastinya, pembelian yang dibuat meningkatkan jualan. Kami menjangkakan pembelian terbaharu ini menyumbang secara ketara kepada pendapatan syarikat,” kata Ketua Eksekutif JCorp Tan Sri Muhammad Ali Hashim dalam satu sidang media di luar aturcara Forum Halal Dunia 2007, di sini hari ini.

Sebelum itu, Muhammad Ali membentangkan kertas kerja bertajuk, “Tanggungjawab Sektor Swasta Dalam Sektor Halal”.

Di tanya sama ada syarikat ada merancang untuk membeli lebih banyak hospital tahun ini, Muhammad Ali berkata syarikat itu memang sedang meninjau peluang untuk berbuat demikian.

Forum yang berlangsung selama dua hari yang bermula semalam itu dianjurkan oleh Perbadanan Pembangunan Industri Halal.

Seramai 889 peserta dari 23 negara, termasuklah negara bukan Islam, hadir pada forum berkenaan.

– Bernama

*Utusan Malaysia
9 May 2007
Ruang Korporat*